

20 NOV 1997

Pelancong-kapal (Dengan Gambar)

KAPAL SUPERSTAR EXPRESS MULA OPERASI SELASA INI

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Pelancong, terutamanya dari dalam negeri akan berpeluang menaiki kapal laju untuk ke Langkawi apabila kapal SuperStar Express memulakan operasi Selasa ini (25 Nov).

Presiden dan Ketua Eksekutif Star Cruise Sdn Bhd, Eddy Lee berkata kapal itu akan berlabuh di Butterworth sebelum memulakan perjalanan ke Langkawi sementara perkhidmatan ke Phuket, Thailand akan bermula awal tahun depan.

Katanya, perjalanan ke Langkawi akan mengambil masa dua jam dan ke Phuket tiga jam.

Lee berkata pelayaran kapal telah menjadi aspek penting bagi pelancongan khususnya di rantau Asia Pasifik dan telah menjadi penting untuk mempromosikan destinasi pelancongan.

"Star Cruises sedang memperkenalkan konsep baru percutian, khususnya untuk orang ramai yang mahu membuat perjalanan menggunakan kenderaan. Dengan SuperStar Express, para penumpang berpeluang "belayar dan memandu" katanya.

Lee berkata syarikatnya memilih Singapura sebagai pangkalan memasuki pasaran pelayaran dan pelabuhan utama disebabkan kedudukannya yang dekat dengan destinasi-destinasi pelancongan di rantau Asean.

Kapal itu yang berharga RM120 juta dan dibina oleh Austal Ships dari Australia, berukuran panjang 82 meter, lebih besar dari dua pesawat Boeing 747 dan boleh menampung 900 penumpang dan 175 kereta dan belayar dengan kelajuan tertinggi 80 kilometer sejam.

Ia akan dilancarkan dengan rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Langkawi pada 4 Disember.

Antara kemudahan yang diadakan di atas kapal itu ialah sebuah restoran, Blue Lagoon Restaurant, kedai cukai bebas, hiburan radio dan televisyen dan arked untuk remaja dan kanak-kanak.

Orang ramai dijemput melawat kapal itu yang berlabuh di Terminal Star Cruises, Pelabuhan Kelang Ahad ini (23 Dis) antara pukul 10 pagi hingga pukul 5 petang secara percuma, tetapi orang dewasa perlu berdaftar dengan kad pengenalan atau lesen memandu dan pelawat bertuah akan mendapat hadiah.

- BERNAMA

APG WAT